



Headline: Pekerja swasta rugi RM35, 000 gara-gara diperdaya individu menyamar polis
Language: Malay
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)
Date: 26 June 2018

Section: Tempatan
Page: 3

Pekerja swasta rugi RM35,000 gara-gara diperdaya individu menyamar polis

KUANTAN: Gara-gara takut dikaitkan dengan kes pengubahan wang haram, seorang pekerja swasta terpaksa berputih mata setelah kehilangan RM38,000 setelah diperdaya oleh individu yang menyamar sebagai anggota polis dalam kejadian di Bentong pada Ahad.

Ketua jabatan Siasatan Jenayah Komersil Pahang Supt Mohd Wazir Yusof berkata dalam kejadian pada 9.30 pagi itu, mangsa, 41 tahun telah dihubungi oleh seorang lelaki yang mengaku sebagai seorang pegawai polis daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan mendakwa

mangsa terlibat dengan kes pengubahan wang haram menerusi sebuah syarikat.

“Mangsa kemudian menafikannya sebelum disambung kepada pegawai atasan yang lain. Dia kemudian diminta menyerahkan maklumat akaun peribadinya bagi tujuan siasatan.

Mangsa kemudian akur dan menyerahkan butiran dua akaun peribadinya dan sejam selepas itu, dia telah menerima mesej mengatakan telah berlaku transaksi pemindahan wang dari akaun miliknya ke pihak ketiga melibatkan jumlah RM35,000,” katanya dalam satu kenyataan di sini

Isnin.

Susulan itu, katanya mangsa telah membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 10 tahun, denda dan sebatan jika sabit kesalahan.

Berikutan itu, Mohd Wazir menasihati orang ramai supaya tidak mudah tertipu dengan sebarang panggilan yang diterima daripada pihak dikenali serta sewenang-wenangnya menyerahkan butiran peribadi untuk mengelak daripada menjadi mangsa.- Bernama